



Submission date: 04/05/2019

Accepted date: 20/08/2019

KERANGKA KONSEP INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (INAQ) DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

*The Conceptual Framework of Integration of Naqli and Aqli (Inaq) Knowledge in
Universiti Sains Islam Malaysia*

Mohd Rushdan bin Mohd Jailani
Universiti Sains Islam Malaysia

rushdan@usim.edu.my

Abstrak

Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) telah bertapak di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) seawal kewujudannya lagi. Kesungguhan USIM dalam menghayati agenda INAQ telah dinyatakan dengan jelasnya pada falsafah, misi dan tema USIM. Walaupun lazimnya INAQ ini dilihat sebagai satu gagasan utama USIM, masih belum banyak penulisan yang menyentuh mengenai kenapa gagasan ini dibentuk dan apakah yang ingin dicapai daripada gagasan ini. Matlamat makalah ini ialah untuk menerangkan maksud Tawhid dan hubungannya dengan falsafah ilmu sebagai asas utama dalam kerangka konsep INAQ. Penulisan ini juga menyentuh mengenai kepentingan gagasan, matlamat, definisi dan konsep INAQ. Metod penganalisaan teks yang memerlukan pembacaan yang analitikal digunakan dalam membuat analisis kepada tema-tema yang berkaitan daripada penulisan intelektual-intelektual Islam kontemporari yang tersohor. Penulisan ini dilihat akan mampu memberi kefahaman awal untuk usaha-usaha pengintegrasian ilmu sama ada dalam kurikulum akademik maupun dalam penyelidikan. Kefahaman Tawhid juga akan dapat mengikat semua perbincangan ilmu yang ada di universiti untuk sentiasa berada dalam landasan yang tepat, menyeluruh dan dinamik.

Kata Kunci: *Tawhid* dan *Ilmu*, integrasi ilmu *naqli* dan *aqli*, Universiti Sains Islam Malaysia, kerangka konsep.

Abstract

The agenda of Integration of Naqli and Aqli Knowledge (INAQ) has been introduced in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ever since its establishment. Indeed, USIM in its internalization of this agenda has clearly enshrined this mission in its philosophy, mission and theme of the institution. Even though INAQ has been seen as the main agenda for USIM, the disseminated literatures on INAQ are yet to be published adequately for public reference. This writing is aimed to explain the understanding of Tawhid and its relation to the philosophy of knowledge in INAQ framework. It is also aimed to highlight why INAQ is pursued and what to achieve, as well as the inclusive meaning and the concept of INAQ. The textual analysis that requires analytical reading is applied in analyzing selected relevant topics of contemporary prominent Muslims intellectuals. This writing can initiate a true general overview of the knowledge integration in the academic curriculum and research. The right understanding of Tawhid can be the important foundation to integrate all other discussion of knowledge that can ensure the executions in academic practices are right, holistic, relevant and dynamic.

Keywords: *Tawhid* and Knowledge, integration of *naqli* and *aqli* knowledge, Universiti Sains Islam Malaysia, conceptual framework.

PENDAHULUAN

Integrasi Ilmu *Naqli* dan *Aqli* (INAQ) ini digagaskan adalah bertujuan untuk melahirkan ahli akademik, penyelidik, pentadbir dan pelajar yang dapat memanifestasikan kesyumulan ajaran Islam melalui tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka. Bagi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), walaupun gagasan INAQ ini adalah suatu tanggungjawab bersama, perlaksanaan dan penghayatan INAQ pada hakikatnya banyak bergantung kepada budaya integrasi ilmu yang dihayati oleh para ahli akademik. Agenda INAQ dalam kalangan ahli akademik ini telah membuka lebih banyak ruang penerokaan baharu yang sangat dinamik dalam pelbagai disiplin ilmu. Para ahli akademik di USIM telah berusaha menjadikan pencapaian akademik dan penyelidikan yang berteraskan integrasi ini sentiasa relevan dan berupaya sekurang-kurangnya setaraf ataupun lebih baik dengan pencapaian pendidikan semasa. Melalui agenda integrasi ini, pencapaian-pencapaian USIM yang bersifat holistik dan seimbang telah melonjakkan keunikan USIM berbanding universiti-universiti yang lain sama ada di peringkat nasional maupun antarabangsa. Walau bagaimanapun, gagasan integrasi ilmu ini perlu sentiasa dibina dengan kukuh dengan kerangka pemikiran yang jelas lagi menyeluruh. Lazimnya, sesuatu kerangka pemikiran itu akan mampu memandu dan memimpin perlaksanaan sesuatu agenda. Kerangka pemikiran ini mestilah dilihat mampu menghubungkan semua bentuk perbincangan dalam kepelbagaiannya dimensi ilmu dan sains yang ada di USIM.

Memiliki kefahaman mengenai kerangka konsep INAQ adalah sangat penting untuk memastikan perlaksanaan INAQ dan matlamatnya akan sentiasa dinamik dan relevan di semua peringkat warga USIM. Untuk menerangkan maksud kerangka konsep INAQ, maka penulisan ini akan menyentuh keperluan kepada gagasan INAQ, definisi dan konsep INAQ, hubungan konsep Tauhid dalam kerangka INAQ khususnya konsep Ilmu menurut kerangka Tauhid menerusi kaedah analisis kandungan mudah yang diperolehi dari pustaka rujukan ahli-ahli Intelektual Islam kontemporari seperti Fazlur Rahman, Al-Faruqi, Syed Naquib Al-Attas, Sayyed Hossien Nasr dan Osman Bakar.

KEPERLUAN PENGINTEGRASIAN ILMU

Sebelum membincangkan definisi, kerangka serta aplikasi integrasi Ilmu *Naqli* dan *Aqli*, baiklah kiranya kita memahami terlebih dahulu keperluan kepada agenda integrasi ilmu ini. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberikan kepada dua faktor utama yang menyebabkan agenda integrasi ilmu ini sangat kritikal pada era ini. Pertamanya adalah kerana kewujudan sistem pendidikan yang berasaskan dualisme. Umat Islam masih belum dapat mengeluarkan diri mereka daripada perangkap dikotomi dan pemisahan ilmu yang menjadi asas kepada sistem pendidikan dualisme. Hal ini dapat dilihat secara jelas apabila sistem pendidikan di kebanyakan Negara di dunia telah memisahkan pendidikan berteraskan agama dengan pendidikan moden atau sains. Daripada satu sudut, proses pembelajaran di institusi pendidikan yang berteraskan pendidikan Islam dan tradisi keagamaan lebih banyak menumpukan kepada perbincangan ilmu-ilmu daripada al-Quran dan al-Hadith. Implikasinya perbincangan imu-ilmu yang berasaskan sains, teknologi dan pemikiran manusia telah diabaikan. Adalah lebih membimbangkan ialah sesetengah pusat pendidikan berteraskan Islam ini menyampaikan pengajaran Islam secara dogmatik di mana ilmu-ilmu Islam tidak diajar secara kreatif dan kritikal. Hal ini mengakibatkan kemenjadian pelajar daripada institusi pendidikan aliran ini tidak mampu berfikiran secara kritis dan inovatif serta tidak mampu menawarkan penyelesaian terbaik kepada masalah semasa yang ada dalam masyarakat.

Daripada sisi yang lain pula, sistem pendidikan berasaskan moden atau sains banyak memberi penumpuan kepada ilmu daripada bidang sains, matematik, teknologi dan kemahiran digital. Apa yang membimbangkan ialah penekanan kepada gugusan ilmu berunsurkan sains, matematik dan teknologi yang berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi ini tidak didasari dengan prinsip atau nilai agama. Bahkan jika adapun subjek pengajian Islam, subjek ini tidak diajar secara mendalam dan mampu mengikat subjek-subjek lain yang ditawarkan. Hal ini mengakibatkan pelajar-pelajar daripada aliran ini tidak dididik untuk berpegang kepada prinsip-prinsip kepercayaan dan nilai-nilai etika agama yang universal sifatnya. Perkara yang lebih membimbangkan ialah asimilasi nilai-nilai dan prinsip-prinsip sekularisme telah dihayati oleh para

pelajar ini semasa mereka mengikuti pembelajaran dalam institusi aliran ini. Jelaslah kedua-dua aliran pendidikan ini akan membawa kepada kemenjadian pelajar yang tidak seimbang dan holistik. Hal ini sudah pasti akan menghasilkan pelajar yang tidak mempunyai identiti dan personaliti yang seimbang dan harmoni. Keadaan ini akan menjadi semakin kompleks apabila personaliti yang tidak seimbang ini menjadi pemimpin kepada masyarakat mahupun negara pada masa hadapan. Pemusatan kepada kepentingan peribadi, keuntungan kebendaan dan matlamat yang bersifat relatif akan mengatasi amalan kepemimpinan yang berasaskan nilai dan prinsip mulia serta melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Keduanya, agenda INAQ ini sangat kritikal kerana hilangnya maksud sebenar ilmu akibat pengaruh kefahaman sekularisme. Telah sekian lama para sarjana dan intelektual Islam berhadapan dengan arus perdana ilmu dan sains yang didominasi oleh kerangka pemikiran yang memisahkan unsur dan teras agama dalam perbincangan ilmu dan sains semasa. Cabaran dan impak negatif pemikiran sekularisme ini telah berakar umbi dalam perbincangan ilmu dan sains kontemporari merentasi perbincangan dalam bidang-bidang bahasa dan kesusastraan, sains sosial, kemanusiaan, kewangan dan perbankan, sains dan teknologi dan seumpamanya. Impak negatif agenda intelektual sekularisme dan cabang-cabangnya seperti modenisme serta post-modenisme telah banyak memberi makna baharu yang menyimpang serta mengubah konsep epistemologi ilmu yang antara lainnya mengubah maksud dan sifat ilmu, sumber dan hierarki ilmu, kategori dan kandungan ilmu.

Kesan negatif pemikiran sekularisme yang paling utama ialah terputusnya hubungan antara akal dan wahyu. Hal ini menyebabkan berlakunya pembebasan akal daripada kawalan wahyu dan agama. Semua ilmu dan maklumat diacuankan berdasarkan akal yang tidak menerima wahyu. Akibatnya ketentuan kebenaran akan sesuatu ilmu dan maklumat itu hanya ditentukan di atas pertimbangan rasional akal dan pembuktian empirikal yang boleh diukur oleh kaedah yang dianggap sebagai saintifik sahaja. Penyiasatan akademik hanya berlaku dalam bentuk empirikal ataupun secara horizontal (deskriptif dan prediktif). Hal ini telah dinyatakan oleh Prof. Seyyed Hossein Nasr, seorang pemikir ulung Islam kita sebagaimana berikut:

“The modern sciences are, on the contrary [to the Islamic values system], based by definition upon human reason and the five external senses, and specifically deny any other possible avenue for authentic knowledge.”

(Nasr, 2007)

Perkara ini menggusarkan apabila perbincangan sains terpisah daripada aspek nilai dan kerohanian. Hal ini turut dapat dirasai apabila sistem nilai dalam sekularisme

sentiasa bersifat relatif mengikut persepsi, kebudayaan dan nilai pengamalnya. Hal ini dinyatakan oleh Prof. al-Attas sebagaimana berikut:

“It [western civilization] formulates its vision of truth and reality not upon revealed knowledge and religious belief, but rather upon cultural tradition reinforced by strictly philosophical premises based upon speculations pertaining mainly to secular life centered upon man as physical entity and rational animal...and because of this the knowledge and values that project the worldview and direct the life of such a civilization is subject to review and change”. (Al-Attas, 1995)

Tidak terhenti setakat itu sahaja, impak negatif kerangka agenda ilmu dan intelektual sekularisme ini telah juga membebaskan alam *tabii* daripada tafsiran keagamaan. Alam semesta boleh dijelaskan tanpa merujuk kepada kewujudan Tuhan, cukup dengan merujuk kepada undang-undang *alamiah* sahaja. Manusia boleh mengeksplorasi dan memanipulasi alam tanpa ada keterikatan dengan prinsip keagamaan. Bahkan, pendokong agenda sekularisme meyakini alam dunia inilah satu-satunya alam yang ada. Seterusnya, kemuncak kepada pemikiran sekularisme ini adalah pemikiran yang menolak kepercayaan kepada kewujudan Tuhan. Keyakinan kepada tiadanya Tuhan ini telah dimanifestasikan dalam perbincangan akademik seperti yang terdapat buku-buku seperti “*God is Dead: The Anatomy of a Slogan*” oleh Kenneth Hamilton, “*The Death of God*” oleh Gabriel Vahanian, “*The God Delusion*” oleh Richard Dawkins, “*God is Not Great; The Case Against Religion*” oleh Christopher Hitchens More” dan “*Fighting God: An Atheist Manifesto for a Religious World*” oleh David Silverman.

Perkara ini hanyalah beberapa contoh impak negatif yang jelas menerusi agenda akademik dan intelektual sekularisme yang telah didokumenkan melalui penghasilan buku-buku akademik, aktiviti-aktiviti penyelidikan, penghasilan inovasi dan teknologi dan penawaran program-program akademik. Maka dengan semua isu yang dinyatakan, amatlah sukar bagi umat Islam untuk mempertahankan kefahaman ilmu-ilmu dan sains moden pada masa sekarang ini daripada tidak dipengaruhi oleh mana-mana nilai atau kepercayaan (*value-free*). Seharusnya, adalah lebih tepat jika dinyatakan ilmu-ilmu dan sains moden sangat terikat dengan nilai-atau kepercayaan tertentu (*value-laden*). Perkara yang membimbangkan kita ialah sekiranya arus agenda sekularisme dalam bidang akademik dan intelektual ini tidak disedari oleh ahli akademik dan penyelidik Islam. Keadaan ini akan bertambah rumit apabila berlakunya penerimaan dan pengiktirafan kerangka pemikiran sekularisme barat tanpa sebarang kritikan dan analisis menurut kerangka pemikiran Islam. Keadaan menjadi semakin meruncing jika ahli-ahli akademik dan penyelidik Islam tidak mampu memberi jawapan atau penyelesaian kepada agenda akademik sekularisme ini.

DEFINISI DAN KONSEP INTEGRASI ILMU *NAQLI* DAN *AQLI*

Konsep integrasi ilmu seharusnya bermula dengan memiliki kefahaman yang baik terhadap perkataan integrasi, ilmu *naqli* dan *aqli* itu sendiri. Bagi tujuan ini, pendefinisan perkataan ilmu *naqli* dan ilmu *aqli* akan dibuat terlebih dahulu dan dikuti kemudiannya dengan perkataan integrasi. Perkaataan *naqli* secara kalimahnya berasal daripada kalimah Bahasa Arab iaitu *naqala* yang membawa maksud pindah. Penggunaan kalimah ilmu *naqli* dalam konteks ini merujuk kepada ilmu daripada al-Quran yang diwahyukan kepada baginda Rasulullah SAW dan ilmu yang berasal daripada Hadith baginda Rasulullah SAW yang kemudiannya dipindahkan kepada sahabat baginda pada zamannya dan dipindahkan pula oleh *tabi'* dan *tabiin* pada zaman-zaman selepasnya. Penggunaan ilmu *naqli* dalam konteks yang lebih luas juga merujuk kepada semua ilmu yang berdasarkan kepada dua sumber wahyu ini yang diasaskan dan dikembangkan oleh para ulama Islam seperti ilmu Tauhid, Fiqh, Tasawwuf, Tafsir dan Ulum al-Quran, Hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, Da'wah, Usul Fiqh, Akhlaq Islamiyyah, Ilmu Kalam dan lain-lain.

Sementara itu, perkataan *aqli* pula berasal daripada kalimah Bahasa Arab iaitu *al-aql* yang membawa maksud akal fikiran. Penggunaan kalimah ilmu *aqli* pula merujuk kepada segala ilmu yang berasal daripada sumber rasional, logical dan pemikiran manusia. Hal ini juga merujuk kepada ilmu yang berdasarkan kepada pembuktian yang dibuat oleh pancaindera dan pengalaman manusia yang secara dasarnya tidak memerlukan pembuktian daripada sumber-sumber wahyu. Maka ilmu sains seperti Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan ilmu Sains Sosial seperti Sains Politik, Sosiologi, Sejarah, Pengurusan, mahupun ilmu Ekonomi, Kewangan adalah beberapa contoh daripada ilmu-ilmu berdasarkan *aqli*. Secara dasanrya pengkategorian ilmu-ilmu kepada ilmu *naqli* dan ilmu *aqli* tidak boleh dianggap yang ilmu-ilmu ini mempunyai pertentangan antara satu sama lain. Sebaliknya semua ilmu daripada kedua-dua pengkategorian ilmu itu pada hakikatnya saling lengkap- melengkapi dan saling bergantungan (Wan Mohd Nor, 2005). Dalam erti kata lain, konsep pembuktian ilmu secara logikal dan rasional bukan hanya terdapat pada ilmu-ilmu yang berdasarkan kepada *aqli* tetapi perkara ini juga turut digunakan dalam perbincangan ilmu-ilmu yang dikelaskan dalam kategori ilmu *naqli*. Oleh hal yang demikian, kafahaman sebenar kepada pengelasan ini hanya merujuk kepada dua sumber ilmu yang berbeza dan kepada penekanan kandungan ilmu (*corpus of knowledge*) yang dibahaskan dalam ilmu-ilmu yang terdapat di dalamnya.

Perkataan Integrasi yang berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu *integration* didefinisikan sebagai “*it is a process of combining or accumulating that makes one thing out of two or more things*” (Oxford dictionary) yang boleh diterjemahkan sebagai suatu proses yang menggabungkan atau mengumpulkan hingga menghasilkan satu benda daripada dua atau lebih benda. Secara literalnya,

penggabungan atau pengumpulan ini adalah suatu proses yang mudah sebagaimana proses seseorang itu menggabungkan atau mengumpulkan sesuatu yang objek atau material. Walau bagaimanapun apabila perkataan integrasi ini diletakkan untuk merujuk kepada suatu proses penggabungan atau pengumpulan dua kategori ilmu iaitu ilmu *naqli* dan *aqli*, maka hal ini tidak boleh dilihat sebagai suatu proses penggabungan yang mudah atau simplistik sebagaimana penggabungan sesuatu objek benda. Kefahaman integrasi ilmu ini tidak hanya dengan sekadar memasukkan konsep ilmu berdasarkan wahyu agama di dalam perbincangan ilmu berdasarkan rasional manusia. Sebaliknya konsep dan aplikasi integrasi ilmu ini mestilah disusun dan dijalin dengan lebih sistematik di peringkat dasar ilmu seperti melihat kepadanan konteks perbincangan ilmu berteraskan wahyu sebelum diintegrasikan dengan ilmu moden semasa. Bahkan, tidak keterlaluan jika dicadangkan di sini maksud integrasi juga menuntut kepada pembentukan falsafah ilmu yang baharu selepas proses penyaringan, adaptasi dan pembersihan segala unsur-unsur sekularisme yang membentuk falsafah ilmu moden tersebut.

Berdasarkan kepada isu-isu yang dibicangkan di atas, maka maksud integrasi ilmu *naqli* dan *aqli* perlu ditakrifkan sebagai penyepaduan antara ilmu bersumberkan wahyu dan ilmu bersumberkan pemikiran manusia dengan berteraskan pandangan alam Islam (*Islamic worldview*) sebagai asas penyepaduan ilmu dengan bermatlamatkan untuk membina insan yang berilmu, beradab dan berkepimpinan berteraskan keadilan. Dalam konteks ini, paradigma pandangan alam Islam yang antara lainnya seperti konsep agama, konsep tauhid dan ketuhanan, konsep ilmu dan sains, konsep manusia, konsep adab dan etika, konsep pembangunan yang holistik perlulah berdasarkan kepada kerangka kepercayaan dan nilai Islam yang berasaskan kepada Al-quran dan Sunnah serta pandangan ulama-ulama Islam yang *muktabar* (Al-Attas, 1995). Adalah diharapkan pandangan alam Islam inilah yang akan menjadi asas kepada perbincangan semua ilmu dan sains (Alparslan, 1996) yang juga meletakkan matlamat menghasilkan insan yang beradab dan berkepimpinan adil dan mulia.

KERANGKA APLIKASI INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

Kejayaan agenda Integrasi Ilmu *Naqli* dan *Aqli* (INAQ) banyak bergantung kepada pembangunan budaya intelektual dan ahli akademik yang bertugas menghasilkan ilmu, memelihara ilmu, mengembangkan ilmu dan seterusnya menyampaikan ilmu kepada para pelajar. INAQ boleh dilaksanakan melalui pembinaan kurikulum, penawaran program-program akademik, dan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan inovasi. Bagi penulisan ini, kerangka aplikasi ini akan memberi penumpuan kepada menghuraikan konsep Tauhid dalam rangka strategi aplikasi INAQ. Agenda INAQ perlulah menerima akan hakikat dan kebenaran Tauhid yang bersumberkan kepada wahyu Ilahi. Hal ini telah dinyatakan oleh Seyyed Hossein Nasr bahawa:

“the arts and sciences in Islam are based on the idea of unity, which is the heart of the Muslim revelation”

(Nasr, 1970).

Menggunakan prinsip yang hampir sama, Ismail Faruqi (1992) menegaskan doktrin ke-Esaan Tuhan, bukanlah semata-mata suatu kategori etika dan keimanan. Tauhid adalah suatu kategori kognitif yang berhubungan dengan ilmu pengetahuan yang boleh dikuasai oleh manusia. Apa yang lebih menarik lagi, kebenaran yang ada dalam prinsip Tauhid ini pada hakikatnya merangkumi aspek rasional, metafisika, etika, dan estetika, maka dengan sendirinya dalam diri setiap bidang ini, Tauhid bertindak sebagai cahaya yang menyinari segala sesuatu. Perkara ini dijelaskan lagi oleh Faruqi:

“As principle of knowledge, al tawhîd is the recognition that Allah, al haqq (the Truth) is, and that He is One. Al tawhîd is the recognition that the truth is indeed knowable, that man is capable of reaching it. Skepticism, which denies the truth, is the opposite of al tawhîd. It arises out of a failure of nerve to push the inquiry into truth to its end; the premature giving up of the possibility of knowing the truth.”

(Al-Faruqi, 1992).

Perbincangan kerangka Aqidah dan Tauhid ini perlu dilihat sebagai satu panduan umum untuk digunakan oleh semua ahli akademik dan penyelidik dalam melangsungkan sesuatu aktiviti berkaitan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi. Kerangka ini akan membuka kepada satu penerokaan dimensi ilmu yang lebih dinamik yang mejangkaui batas-batas material ataupun fizikal.

SUMBER-SUMBER ILMU MENURUT KERANGKA TAUHID

Islam mempunyai konsep ilmu yang bersifat *tauhidi*. Ilmu dalam Islam pada hakikatnya merujuk kepada sumber yang sebenarnya iaitu Allah SWT (Al-Attas, 1993). Ilmu itu sendiri adalah salah satu sifat Allah SWT iaitu *al-Alim*. Dengan kehendak daripada Tuhan yang Maha Pemurah ini, maka dianugerahkan ilmu dan hikmah kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya sehingga mereka pun dapat memahaminya. Jelas di dalam Islam, ilmu itu tidak terputus hubungannya dengan Allah SWT. Prinsip Aqidah dan Tauhid itu sendiri sebenarnya adalah berdasarkan ilmu dan asas-asas ilmiah. Hal ini dapat dilihat dalam Surah Muhammad ayat yang ke-19 apabila pengunaan kalimah ‘ketahuilah’ telah digunakan pada permulaan ayat yang mengaitkan prinsip keimanan kepada Allah SWT. Kepercayaan dan keyakinan kepada Tauhid membuatkan ilmu dan pengetahuan ini boleh bersumberkan dan bertatakaedah berdasarkan wahyu (*naqliyyah*), rasional (*aqliyyah*) dan empirikal (*tajribi*). Jelaslah di sini bahawa pengetahuan (vertikal) berdasarkan kontemplatif dan

apresiatif juga diterima. Prinsip Tauhid juga meletakkan sumber dan punca hakiki ilmu itu ialah daripada Allah SWT, Tuhan yang Maha Mengetahui. Walau bagaimanapun, prinsip ilmu dalam Islam turut memperakui bahawa ilmu boleh diperolehi dan diperakui melalui pancaindera yang sejahtera (penglihatan, pendengaran, sentuh, cium, rasa), khabar yang benar dan logikal akal. Bahkan, sumber perolehan ilmu turut menjadi pasti (*possible*) melalui intuisi dan ilham yang yang dipimpin oleh wahyu. Justeru, keyakinan sesuatu ilmu itu tidak terhad kepada apa yang boleh dilihat oleh pancaindera sahaja. Dalam hal ini Prof. Osman Bakar menukilkan,

“Islam is the religion of unity (Tawhid) and equilibrium (i’tidal). As such, it upholds the idea of the hierarchy and unity of knowledge and of modes of knowing. All possible avenues to knowledge are duly recognized, and each accorded a legitimate place and function within the epistemological scheme of Islam”

(Osman Bakar, 2008).

Maka dengan ini jelaslah Prinsip Tauhid meletakkan asas perbincangan ilmu dengan mengabungkan aspek emperikal dan rasional, induktif dan deduktif dan seterusnya *tafsir* dan *ta’wil*.

Kekuatan kerangka Aqidah dan Tauhid dalam agenda INAQ boleh dilihat daripada beberapa sudut. Keunikan kerangka ini akan menghasilkan ilmu yang berinspirasikan *bismi Rabbik* (demi nama Allah) dan akan terhasilnya ilmu yang bersifat *rabbani*. Konsep *Iqra bismi rabbika* (bacalah demi Allah) akan menghasilkan ilmu yang bermanfaat untuk kemanusiaan dan makhluk yang lain (Quraish Shihab, 2012). Bertitik tolak daripada kenyataan ini, tiada lagi slogan “ilmu untuk ilmu” dan “ilmu bersifat bebas nilai” seperti yang dicanangkan sebelum ini. Objek ilmu akan bersifat material dan non-material, fenomena dan non-fenomena. Usaha mendapatkan ilmu akan meliputi fakulti atau sumber lima pancaindera, memori dan imaginasi, akal serta aspek kerohanian (*qalb*). Implikasi yang positif dapat dijana bahawa agama dan sains serta ilmu akan saling berinteraksi secara positif. Ilmu-ilmu agama dapat didekati dengan rasional dan empirikal serta tidak terbatas kepada aspek hati (kerohanian semata-mata). Ilmu-ilmu sains akan dapat didekati dengan wajah sosial dan kemanusiaan selain berdasarkan rasional dan empirikal. Nilai dan aktiviti ilmu akan bersifat holistik iaitu menyentuh aspek sosial, mental, psikologi, kerohanian dan fizikal. Hal ini dengan sendirinya akan mempertingkatkan kekuatan moral, intelektual dan spiritual. Manusia melihat alam ini sebagai satu ciptaan Tuhan yang sangat sempurna dan saling berkaitan antara satu sama lain. Prinsip Akidah Islam dan Tauhid sebagai teras INAQ menuntut kepada usaha yang bersungguh lagi kolektif untuk menguasai perbincangan utama

daripada kedua-dua kategori ilmu ini. Pengintegrasian ilmu ini akan mampu mengisi ketidakseimbangan ilmu akibat pengaruh negatif sekularisme dan modenisme.

HUBUNGAN AYAT-AYAT *QAWLIYYAH* DAN *KAWNIIYYAH* DALAM KERANGKA TAUHID

Ayat-ayat *qawliyyah* merujuk kepada ayat-ayat al-quran yang difirmankan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Ayat-ayat ini menyentuh pelbagai aspek dan prinsip seperti peraturan-peraturan dalam ibadat, perkhabaran peristiwa-peristiwa yang lepas, prinsip-prinsip keimanan, prinsip-prinsip etika dalam kehidupan, hukum tentang jihad, pernikahan, waris, hubungan Muslim dengan umat beragama lain, prinsip-prinsip sosial dan seumpamanya. Manakala, ayat *kawniyyah* adalah ayat atau tanda yang wujud di sekeliling manusia yang diciptakan oleh Allah SWT. Ayat-ayat ini diciptakan dalam bentuk benda, objek, kejadian, peristiwa dan seumpamanya yang wujud di alam ini. Oleh kerana alam ini hanya mampu diuruskan oleh Allah dengan segala sistem dan peraturan-Nya yang unik, maka alam dan segala isinya menjadi tanda kehebatan dan keagungan penciptaan-Nya. Kerangka ini menekankan hubungan antara alam dan Tuhan. Hal ini menekankan setiap pengalaman kehidupan manusia perlu dihubungkan dengan Tuhan. Selain itu, kerangka ini menekankan keterlibatan Tuhan dalam penciptaan dan keberlangsungan alam semesta. Tujuan pengetahuan yang diwahyukan ataupun yang diusahakan adalah untuk mengungkapkan ayat-ayat Tuhan dan sifat-sifat-Nya di alam semesta kepada manusia. Menurut perspektif Tauhid ini, hakikat kebenaran akan dapat diperolehi melalui pengamatan kita kepada alam mahupun diri kita sendiri. Hal ini sebagaimana ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahwa al-Quran itu adalah benar. Dan apakah Tuhanmu tidak cukup (bagi kamu) bahwa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu”

(Surah Fussilat, 41:53)

Selain itu, terdapat banyak ayat al-quran yang memerintahkan manusia untuk melangsungkan hubungan sesama manusia, sesama makhluk ciptaan Allah SWT dan berinteraksi langsung dengan Allah SWT. Antara ayat-ayat-Nya ialah, (Surah al-Baqarah; 2:164), (Surah Ali Imran; 3:190), (al-An'am; 6:97), (Surah Yunus; 10:5), (Surah as-Syu'ara; 26:7) dan (Surah al-Ghasiyah; 88:17-20). Dengan menghayati kerangka ini, seharusnya tiap-tiap bidang ilmu pada hakikatnya perlu menjadi satu dimensi ciptaan Tuhan, dan seterusnya ilmu-ilmu tersebut perlu dilihat sebagai memiliki kesatuan organis. Kajian tentang alam hanya dapat membawa manusia daripada penciptaan kepada Sang Pencipta jika manusia memiliki prinsip beriman kepada Tuhan. Prinsip ini sejajar dengan ungkapan, “*to study nature in order to*

discover God and to use nature for the benefit of mankind” (Yasmeen, 2007). Dengan mendekati alam berdasarkan prinsip keimanan, seseorang insan akan merasai peningkatan keimanan dengan aktiviti-aktiviti dan penemuan-penemuan saintifiknya. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak akan dapat dirasai oleh mereka yang tidak memiliki Aqidah dan Tauhid yang benar. Hal ini seperti dinyatakan oleh Allah SWT melalui firmannya yang bermaksud:

“Katakanlah, perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi. Tidaklah bermanfaat tanda kekuasaan Allah dan rasul-rasul yang memberi peringatan bagi orang-orang yang tidak beriman”.

(Surah Yunus; 10:10)

Jelaslah bagi manusia yang tidak beriman, bertambahnya ilmu mereka tentang alam semesta, maka tidak akan menambahkan ilmu tentang alam yang melampaui fizik (*transcendental*).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kerangka yang diterangkan di atas bolehlah dianggap sebagai satu panduan umum bagaimana para ahli akademik dan penyelidik boleh melaksanakan agenda Integrasi Ilmu *Naqli* dan *Aqli* dalam program-program pengajian akademik atau pun dalam penyelidikan. Adalah menjadi satu tanggungjawab kepada seluruh warga universiti untuk terus mendalam sebaik mungkin perbincangan integrasi ilmu *Naqli* dan *Aqli* yang sangat luas ini. Masih banyak lagi ruang perbincangan perlu dibahaskan secara mendalam. Antaranya ialah konsep dan falsafah ilmu, sejarah pembentukan Ilmu, falsafah Sains Islam dan metodologi atau proses dalam menjayakan agenda integrasi ilmu ini yang turut menggabungkan aspek aksiologi dan ontologi. Perkara lain yang tidak kurang pentingnya ialah para ahli akademik dan penyelidik mestilah berusaha untuk menguasai perbahasan asas *Aqidah Islamiyyah* dan *Maqasid Shariah* serta turut menjadikan kedua-dua prinsip ini sebagai teras kerangka pengintegrasian ilmu *Naqli* dan ilmu *Aqli*.

RUJUKAN

- Alparslan, A. (1996). *Islamic science: Towards a definition*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S.N. (1993). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: ISTACT.
- Al-Attas, S.N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Faruqi, I. (1992). *Al-Tauhid: Its implications for thought and life*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought.

- Nasr, S. H. (2003). *Science and civilization*. New York: Islamic Text Society.
- Nasr, S.H. (2007). *Islam, science, Muslim and technology*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Osman, O. (2008). *Tawhid and science: Islamic perspectives on religion and science*. Shah Alam: Arah Publication.
- Shihab, M.Q. (2012). *Wawasan al-quran tafsir tematik atas pelbagai persoalan umat*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Wan Mohd Nor, M.D. (2005). *Falsafah dan amalan pendidikan Islam: Syed M Naquib Al-Attas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yasmeen, M. F., (2007). Islamic view of nature and values: could these be the answer to building bridges between modern science and Islamic science. *International Education Journal*, 8(2), 461-469.